

21 SEP 1997

Anwar-Soros

KRITIKAN SOROS TERHADAP MALAYSIA ADALAH KARUT, KATA ANWAR

HONG KONG, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini berkata kenyataan spekulator kewangan Amerika George Soros bahawa dia telah dijadikan sasaran pelepas berhubung krisis mata wang Malaysia adalah karut.

"Saya fikir Soros silap faham. Menganggap kritikan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebagai sesuatu yang peribadi untuk menutup kelemahan sistem ekonomi atau politik Malaysia adalah karut.

"Tidak dapat dinafikan bahawa kita sedang menghadapi satu masalah dan cabaran besar daripada spekulator yang tidak bertanggungjawab dalam pasaran mata wang dan saham," katanya kepada pemberita di sini.

Dalam satu seminar Bank Dunia di sini awal hari ini, Soros berkata dia telah dijadikan tempat pelepas oleh Dr Mahathir kerana kejatuhan nilai ringgit untuk menutup kegagalan beliau sendiri (Dr Mahathir).

Tokoh kewangan itu juga menyerang balas Dr Mahathir dengan berkata antara lainnya bahawa dia telah menjadi mangsa kepada segala bentuk tuduhan palsu dan memalukan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap krisis kewangan di rantau ini.

Anwar, yang berada di sini kerana menghadiri mesyuarat Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), berkata spekulasi berlebihan dalam pasaran merupakan satu perkara yang Soros patut atasi.

"Saya ingat satu rencana yang dia tulis menyentuh mengenai perbuatan tidak bermoral dan beretika dan kegawatan pasaran. Mengapa dia telah lupa apabila dia terlibat dengan spekulasi mata wang dan pasaran?" tanya Anwar.-- BERNAMA

AU oba